

PUITIKA SASTERA WANITA DALAM NOVEL-NOVEL
PENGARANG WANITA INDONESIA DAN MALAYSIA:
SATU BACAAN GINOKRITIK

NORHAYATI BINTI AB. RAHMAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2005

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah hirabil ‘alammin. Setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, akhirnya dapat saya menyelesaikan penulisan tesis ini.

Pertama dan terutama, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada dua tokoh Penyelia tesis ini, iaitu Prof Dr. Md. Salleh Yaapar dan Dr. Siti Hajar Che Man. Walaupun Prof Dr. Md Salleh berada di Universiti Leiden kerana tugasnya, tetapi beliau sentiasa meluangkan masa untuk menyemak tesis, menyumbangkan buah fikiran yang bernas dan memberi bimbingan yang amat bermakna kepada penulisan tesis ini. Dr Siti Hajar sebagai Penyelia Bersama pula, begitu banyak memainkan peranan dalam penulisan tesis ini. Beliau menunjukkan tahap kesabaran, ketekunan dan ketelitian yang amat tinggi dalam menyemak, memberikan saranan, komentar serta bimbingan kepada saya sehingga sampai ke titik akhir penulisan tesis ini. Sesungguhnya, pengorbanan masa, tenaga dan pemikiran yang tidak terhingga nilainya daripada mereka berdua amatlah dihargai. Hanya Tuhan yang mampu membalias segala jasa baik mereka berdua terhadap saya.

Rasa penghargaan juga ditujukan kepada Dekan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), Prof. Madya Dr. Norizan bin Md. Noor dan Timbalan Dekan Bahagian Ijazah Tinggi, Prof. Ambigapathy Pandian di atas segala sokongan dan kerjasama sepanjang saya menjadi sebahagian daripada warga pelajar PPIK. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada semua staf akademik dan staf pentadbiran di PPIK yang baik hati dan sentiasa bersedia membantu saya di sepanjang proses menyiapkan penulisan tesis ini.

Rakaman penghargaan juga ditujukan khas kepada pihak Universiti Malaya (UM) atas Hadiah Cuti Belajar yang memberi peluang kepada saya melanjutkan pengajian ke peringkat ini. Juga kepada seluruh anggota akademik di Akademi Pengajian Melayu (APM), UM, yang sentiasa memberi galakan, dorongan dan prihatin dalam mengingatkan saya tentang tanggungjawab untuk menamatkan pengajian dengan jaya, terutama kepada Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu, Prof Madya Dr. Mohamad Mokhtar Hassan dan kemudiannya En.Mohd. Taufik Aridzo, rakan-rakan sejabatan serta seakademik. Rasa penghargaan juga ditujukan kepada individu yang banyak membantu saya dalam pelbagai aspek berhubung kajian ini. Mereka ialah Prof Madya Dr. Rohani Mohd. Yusof, Prof. Madya Dr. Tune Yap Beng Liang, Dr. Puteri Roslina Abd. Wahab dan Puan Noor Hasnoor Mohd. Nor di APM, UM, Dr. Rahimah Haji A. Hamid di PPIK, USM, Puan Asmiaty Amat dari Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Puan Siti Aisah Murad dari Dewan Bahasa dan Pustaka, KL, serta Ibu Darsimah Mandah dari Fakultas Sastera dan Budaya, Universitas Indonesia, Jakarta, serta ramai lagi yang nama mereka tidak disebutkan di sini.

Penghargaan juga dihulurkan kepada institusi-institusi yang membantu saya dalam menyiapkan kajian ini, khususnya Perpustakaan-perpustakaan Utama di Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Pusat Sumber di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, UM, serta Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur dan Cawangan Sabah. Rasa penghargaan juga diberikan atas kerjasama daripada kaki tangan Perpustakaan Fakultas Sastera dan Budaya, Universitas Indonesia (UI) dan Perpustakaan H.B.Yasin di Jakarta. Seterusnya kepada para pengarang wanita di Indonesia dan Malaysia yang sudi meluangkan masa untuk ditemu bual dan dihubungi

dari semasa ke semasa melalui e-mel. Mereka ialah Ayu Utami, Oka Rusmini, Toeti Heraty, Titis Basino, Azmah Nordin, Rosmini Shaari, Fatimah Busu dan Zaharah Nawawi.

Akhir sekali, dedikasi yang paling istimewa saya rakamkan kepada seluruh keluarga yang dikasihi, terutama kepada suami saya, Sapuri bin Ghazali dan anak-anak, iaitu Mohd. Faris, Mohd. Farizzuan, Mohd. Faizal dan Nurul Izzah yang sering memahami serta banyak berkompromi di sepanjang tempoh saya menyiapkan tesis ini. Kepada semua yang disebutkan atau yang tidak disebutkan nama mereka di sini, terimalah kalungan rasa penghargaan yang seikhlas hati daripada saya.

23 Disember 2005/ 21 Syawal 1426 H

NORHAYATI BINTI AB. RAHMAN
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang

KANDUNGAN	HALAMAN
-----------	---------

Penghargaan	ii
Kandungan	v
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xi
Abstrak	xii
Abstract	xv

BAB 1 - PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Pernyataan Masalah Kajian	6
1.2 Objektif Kajian	10
1.3 Skop Kajian	11
1.4 Kepentingan Kajian	13
1.5 Tinjauan Kajian Lepas	14
1.6 Metodologi Kajian	22
1.7 Organisasi Tesis	26

BAB 2 - GINOKRITIK DAN PUITIKA SASTERA WANITA: TAKRIF DAN KONSEP

2.0 Pengenalan	30
2.1 Konsep Ginokritik	36
2.2 Proses Kemunculan Ginokritik	39
2.3 Model-Model Dalam Ginokritik	50
2.3.1 Penulisan Wanita dan Badan Wanita	51
2.3.2 Penulisan Wanita dan Bahasa Wanita	57
2.3.3 Penulisan Wanita dan Psikologi Wanita	64
2.3.4 Penulisan Wanita dan Budaya Wanita	71

2.4 Puitika Sastera Wanita Dalam Penulisan	79
2.4.1 Ciri-Ciri Puitika Sastera Wanita	82
2.5 Kesimpulan	103

**BAB 3 - PENGLIBATAN PENGARANG WANITA DALAM
PEMBENTUKAN PUITIKA SASTERA WANITA
DI INDONESIA DAN MALAYSIA**

3.0 Penglibatan Pengarang Wanita Dalam Pembentukan Puitika Sastera Wanita di Indonesia (1930-an - 1970-an)	109
3.1 Penerobosan Jalur Puitika Konvensi Dalam Novel Wanita Generasi Baru Indonesia (1998 - 2001)	124
3.2 Penglibatan Pengarang Wanita Dalam Pembentukan Puitika Sastera Wanita di Malaysia (1940-an - 1950-an)	129
3.3 Jalur Konvensi Ke Invensi Dalam Novel Pengarang Wanita Malaysia (1960-an – 1970-an)	141
3.4 Kesimpulan	145

**BAB 4 - NOVEL-NOVEL PENGARANG WANITA INDONESIA:
ANALISIS DARIPADA PERSPEKTIF GINOKRITIK**

4.0 Pengenalan	149
4.1 Penulisan Wanita dan Biologi Wanita	151
4.1.1 Identiti Diri Wanita Dalam Penulisan	152
4.1.2 Ekspresi Seksualiti Wanita	157
4.1.3 Perayaan Biologi Wanita	168
4.1.4 Tentangan Wanita Terhadap Patriarki	172

4.1.5 Protes Ketidakadilan Gender	179
4.2 Penulisan Wanita dan Bahasa Wanita	187
4.2.1 Yang Tersurat dan Tersirat Dalam Penulisan Wanita	188
4.2.2 Ekspresi Tubuh Badan Dalam Bahasa Wanita	200
4.2.3 Unsur Multifokal Wanita Dalam Bahasa Wanita	208
4.3 Penulisan Wanita dan Psikologi Wanita	213
4.3.1 Keinginan dan Penentangan: Pendedahan Dunia Batin Wanita	214
4.3.2 Antara Kemarahan dan Ketenangan: Lukisan Jiwa Wanita	233
4.4 Penulisan Wanita dan Budaya Wanita	247
4.4.1 Sumber Kekuatan dan Perpaduan Wanita	249
4.4.2 Ekspresi Pengalaman Wanita	253
4.4.3 Pemaparan Simbol-Simbol Wanita	264
4.5 Kesimpulan	269

BAB 5 - NOVEL-NOVEL TERPILIH PENGARANG WANITA MALAYSIA: ANALISIS DARIPADA PERSPEKTIF GINOKRITIK

5.0 Pengenalan	278
5.1 Penulisan Wanita dan Biologi Wanita	279
5.1.1 Identiti Tubuh Badan Wanita	281
5.1.2 Penentangan Wanita Terhadap Patriarki	285
5.1.3 Protes Ketidakadilan Gender	307

5.2 Bahasa Wanita Dalam Penulisan	320
5.2.1 Bahasa Perlambangan	322
5.2.2 Bahasa Ekspresi Kesedaran Wanita	330
5.3 Psikologi Wanita Dalam Penulisan	335
5..3.1 Ungkapan Protes dan Kekuatan Jiwa Wanita	336
5.3.2 Kemelut dan Peleraian Jiwa Wanita	350
5.4 Budaya Wanita Dalam Penulisan	360
5.4.1 Sumber Kekuatan dan Perpaduan Wanita	361
5.4.2 Ekspresi Pengalaman Wanita	373
5.4.3 Pemaparan Simbol-Simbol Wanita	384
5. 5 Kesimpulan	389

BAB 6 - BANDINGAN PUITIKA SASTERA WANITA DALAM NOVEL INDONESIA DAN MALAYSIA: PENEMUAN DAN RUMUSAN

6.0 Pengenalan	399
6.1 Pembentukan Puitika Sastera Wanita Dalam Penulisan Novel di Indonesia dan Malaysia:	401
6.1.1 Bandingan Pembentukan Puitika Dilihat Dalam Konteks Model Biologi	405
6.1.2 Bandingan Pembentukan Puitika Dilihat Dalam Konteks Model Bahasa	416
6.1.3 Bandingan Pembentukan Puitika Dilihat Dalam Konteks	

Model Psikologi	422
6.1.4 Bandingan Pembentukan Puitika Dilihat Dalam Konteks Model Budaya	437
6.2 Penemuan dan Rumusan	450
6.3 Kesimpulan	455
Senarai Rujukan	460
Lampiran	476
Senarai Penerbitan dan Seminar	477

SENARAI JADUAL	HALAMAN
Jadual 1 Ciri-Ciri Konvensi Dalam Pembentukan Puitika Sastera Wanita Indonesia	123
Jadual 2 Ciri-Ciri Konvensi Dalam Pembentukan Puitika Sastera Wanita Malaysia	141
Jadual 3 Ciri-Ciri Pembentukan Puitika Baru Dalam Penulisan Novel Pengarang Wanita Indonesia	403
Jadual 4 Ciri-Ciri Pembentukan Puitika Baru Dalam Penulisan Novel Pengarang Wanita Malaysia	404

SENARAI RAJAH**HALAMAN**

Rajah 1	Peranan wanita dan lelaki dipisahkan pada zaman Victoria dan Jackson	72
Rajah 2	Hubungan wanita dalam ‘muted group’ dengan ‘dominant group’ (lelaki)	74

PUTIKA SASTERA WANITA DALAM NOVEL-NOVEL PENGARANG WANITA INDONESIA DAN MALAYSIA: SATU BACAAN GINOKRITIK

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk mengesan dan memperlihatkan proses pembentukan puitika dalam penulisan novel di kalangan pengarang wanita di Indonesia dan Malaysia. Proses menganalisis novel menggunakan kaedah teori ginokritik yang diperkenalkan oleh Elaine Showalter. Kajian ini mengaplikasikan empat model dalam kaedah bacaan ginokritik, iaitu model penulisan wanita dan biologi wanita, penulisan wanita dan bahasa wanita, penulisan wanita dan psikologi wanita serta penulisan wanita dan budaya wanita. Teks-teks yang dipilih sebagai data kajian merupakan novel yang dihasilkan oleh pengarang wanita dari Indonesia dan Malaysia. Novel-novel dari Indonesia ialah *Saman* oleh Ayu Utami, *Tarian Bumi* oleh Oka Rusmini, *Calon Arang* oleh Toeti Heraty dan *Dari Lembah Ke Coolibah* oleh Titis Basino, manakala dari Malaysia ialah *Menongkah Lumrah* oleh Azmah Nordin, *Isteri* oleh Rosmini Shaari, *Salam Maria* oleh Fatimah Busu dan *Jalur Sinar Di Cela Daun* oleh Zaharah Nawawi. Aplikasi model-model ginokritik membuktikan pengarang wanita di Indonesia dan Malaysia telah menjadikan aspek biologi, bahasa, psikologi serta budaya wanita sebagai landasan utama dalam pembentukan puitika penulisan kreatif mereka. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan ketara dalam cara dan gaya penerapan setiap unsur tersebut oleh pengarang wanita di Malaysia dan Indonesia. Perbezaan tersebut dipengaruhi oleh latar sosiobudaya, politik dan latar belakang pengarang di kedua-dua buah negara berkenaan. Hasil kajian tesis ini menunjukkan cara-cara pengarang wanita memanfaatkan kebijaksanaan mereka dalam menghasilkan makna teks, dengan menentukan sejarah, tema, genre dan struktur penulisan mereka yang tersendiri. Hasil perbincangan yang dilakukan membuktikan karya-karya oleh pengarang wanita

mempunyai sifat-sifat khusus, menampilkan gaya penulisan baru yang tidak bersifat stereotaip dan *monotonous*. Penemuan ini menunjukkan pengarang wanita telah merangka dan menstruktur pembaharuan dalam gaya penulisan kreatif yang menyerlahkan pembaharuan-pembaharuan terhadap puitika sastera wanita.

POETICS OF WOMEN'S LITERATURE IN NOVELS BY INDONESIAN AND MALAYSIAN WOMEN WRITERS: A GYNOCRITIC READING

ABSTRACT

This study attempts to trace and illustrate the formation of poetics in the novels of women writers in Indonesia and Malaysia by using the theory of gynocritics by Elaine Showalter. The theory of gynocritics accords special attention to women as conveyors of textual meanings. For the purpose of analyzing the texts, this thesis attempts to apply four main models of gynocritics, that is, women's writing and women's body, women's writing and women's language, women's writing and women's psyche, and women's writing and women's culture. The novels selected to provide data for this study are written by women novelists from Indonesia and Malaysia. The novels from Indonesia are *Saman* by Ayu Utami, *Tarian Bumi* by Oka Rusmini, *Calon Arang* by Toeti Heraty and *Dari Lembah ke Coolibah* by Titis Basino. Those from Malaysia are *Menongkah Lumrah* by Azmah Nordin, *Isteri* by Rosmini Shaari, *Salam Maria* by Fatimah Busu and *Jalur Sinar Di Cela Daun* by Zaharah Nawawi. The application of the gynocritic models proves that, on the whole, women novelists in Indonesia and Malaysia have considered the biological, language, psychological, and cultural aspects of women as the platform that influences the formation of poetics in their creative writings. There is, however, an obvious difference in terms of the technique and style in the application of the above models by women novelists in Indonesia and Malaysia. This difference is influenced by the socio-cultural, politic and background of the novelists in both countries. In general, this thesis demonstrates the ways women novelists capitalize on their intelligence to produce the textual meanings and to determine their own history, themes, genres, and structure of writing. The result of the study proves that the novels written by women have

special characteristics, exhibiting a new style of writing which is not characterized by stereotypes or monotony. This finding shows that women novelists have designed and structured a new style in creative writing which emphasizes a number of new features in poetics of women's literature.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Pada dasarnya tesis ini cuba untuk menelusuri proses penciptaan novel di kalangan pengarang-pengarang wanita terpilih di Indonesia dan Malaysia. Kajian ini bertitik tolak daripada kesedaran bahawa karya-karya sastera oleh pengarang lelaki sering menggambarkan wanita dengan imej yang stereotaip, pengalaman wanita dipinggirkan, suara wanita dibisukan dan bentuk-bentuk paparan yang hanya menyerlahkan *male-centredness*. Oleh itu, penelitian ini cuba membuktikan bahawa wanita mempunyai imej, pengalaman, suara, keinginan, wawasan, bahasa dan budaya mereka sendiri. Sifat-sifat *women-centredness* ini hanya akan dapat dikenal pasti dengan mengkaji teks-teks yang dihasilkan oleh pengarang wanita. Justeru, kajian terhadap novel-novel oleh pengarang wanita ini akan mengaplikasikan model-model yang disarankan dalam pendekatan ginokritik gagasan Elaine Showalter. Bertitik tolak daripada hipotesis bahawa hasil-hasil penulisan pengarang wanita mempunyai sifat-sifat khusus yang dapat dihubungkan dengan berbagai-bagai faktor persekitaran, maka penelitian ini cuba untuk mengenal pasti aspek-aspek yang mempengaruhi proses pembentukan puitika dalam penulisan novel di kedua-dua buah negara terbabit.

Puitika merujuk kepada konsep dan prinsip dasar yang menjadi landasan kepada pemikiran dan penciptaan sastera. Menurut Todorov dalam bukunya *Introduction to Poetics*¹ (1981), terdapat dua tanggapan yang berbeza untuk memahami konsep puitika. Pertama, melihat kepada teks itu sendiri sebagai objek ilmu (*object of knowledge*). Dalam konteks ini, karya dilihat sebagai objek dasar dan unik, yang boleh diberi pelbagai interpretasi.² Kedua, menimbang setiap teks sebagai suatu gambaran struktur

yang abstrak. Walau bagaimanapun, pertimbangan ini tidak lagi terarah kepada menghuraikan karya, memberi makna pada karya, tetapi lebih kepada melihat teks sebagai sebuah produk.³ Menurut beliau lagi, puitika memerlukan pemahaman yang sistematik terhadap wacana sastera sebagai suatu kefahaman ke atas ungkapan pengarang. Puitika juga disebut sebagai *the science of literature*, iaitu sebagai menandakan *a concern with coherence of the body of knowledge and the principles of knowing that constitute literary study* (1981:ix). Seterusnya dalam membincangkan *poetics*, Todorov memberi penekanan kepada tiga aspek utama tentang teks yang harus dipertimbangkan, iaitu terhadap makna kata, cara berbahasa dan susunan ayat-ayat (*the semantic, the verbal and the syntactic*).

Konsep puitika juga telah dibincangkan secara terperinci oleh Muhammad Haji Salleh dalam bukunya *Puitika Sastera Melayu* (2000). Beliau melihat puitika sastera sebagai suatu percubaan yang menyeluruh untuk melihat konsep dan prinsip-prinsip dasar yang menjadi landasan kepada pemikiran serta penciptaan sastera. Muhammad memulakan perbincangan tentang puitika dengan memberi makna kepada kata-kata dasar, konsep teks (fungsi karya sastera), genre, pengarang, bahasa estetika dan khalayak sastera Melayu. Berdasarkan pemahaman ini, putika sastera memperlihatkan himpunan soal-soal konsep, cara berfikir, kosmologi, agama, perasaan, bahasa, estetika, pandangan terhadap kesenian, serta hubungannya dengan bangsa dan budaya.

Pembicaraan tentang wanita dalam sastera seringkali menjurus kepada melihat wanita sebagai bahan penceritaan, sama ada oleh pengarang lelaki mahupun wanita. Pemerian watak wanita dalam karya sastera oleh pengarang lelaki dan wanita dikatakan berbeza. Berdasarkan hasil-hasil kajian, pengarang lelaki dikatakan cenderung untuk

memberikan gambaran yang tidak tepat mengenai wanita. Ketidaktepatan itu berlaku kerana wujudnya salah faham dan *misrepresentation* tentang wanita oleh pengarang lelaki. Kemunculan para pengkritik feminis adalah untuk menggunakan kepintaran mereka bagi mendekonstruksikan cara melihat wanita mengikut pandangan lelaki. Perbincangan awal tentang persoalan ini telah dilakukan oleh Simone De Beauvoir dalam *The Second Sex* (1949) yang memperkatakan tentang wujudnya ketidaksamaan umum yang ditentukan oleh seks, kebudayaan, dan sejarah. Beliau melihat bahawa wanita telah dijadikan dengan sifat-sifat rendah diri dan tekanan ini berlipat ganda kerana lelaki beranggapan sifat sedemikian memang wujud secara semula jadi. Beliau menyebut tentang lima faktor utama dalam perbincangan tentang ketidaksamaan tersebut, iaitu biologi, pengalaman, wacana, pengalaman tidak sedar dan keadaan sosioekonomi. Faktor biologi misalnya, dianggap sebagai asas pengabaian sosialisasi yang telah digunakan oleh lelaki terutama untuk mengekalkan kedudukan wanita di ‘tempat’ mereka.⁴ Bagi mereka, jika tubuh seseorang wanita itu adalah takdirnya, maka segala soalan tentang peranan jantina yang ditetapkan akan mematuhi tatacara hidup semula jadi (*nature*). Sikap ini merumuskan bahawa ‘wanita hanyalah rahim semata-mata’ (*women is nothing but womb*).

Pada lewat tahun 1960-an, lahir dua buah buku yang mengemukakan saranan untuk membaca semula (*rereading*) teks-teks karya pengarang lelaki untuk melihat penampilan wanita secara lebih kritis. Mary Ellmann dalam *Thinking About Women* (1968) membincangkan pemikiran tentang wanita oleh kebanyakan pengarang lelaki dan mengkritik penampilan serta tanggapan stereotaip mereka terhadap wanita. Secara umumnya, gambaran terhadap watak wanita disimpulkan sebagai *formless, passive, unstable, confined, pious, materialistic, spiritual, irrational, compliant*.⁵ Ellmann juga mengidentifikasi tulisan wanita dengan gaya sastera tertentu. Beliau menganggap

pengarang wanita sering menampilkan perspektif yang berlainan daripada pengarang lelaki, iaitu dengan mengabaikan kepastian penghakiman dan ketepatan fokus.

Perkembangan feminism moden berada pada tahap penting dengan kehadiran Kate Millett dengan bukunya *Sexual Politics* (1969). Beliau menggunakan istilah *patriarchy*⁶ untuk menggambarkan sebab-sebab berlakunya penindasan terhadap wanita. Millett mentafsirkan patriarki sebagai ...*female is controlled by that half which is male, elder male shall dominate younger* (1969:25). Beliau juga mendedahkan gambaran seksual yang menindas yang ditemui dalam karya-karya ciptaan lelaki. Pandangan Millett disokong oleh Shulamith Firestone dalam *The Dialectic of Sex* (1972) yang mengenangkan teori perbezaan biologis di antara lelaki dan wanita untuk menjelaskan sexism (hubungan sosial dengan lelaki merendahkan wanita). Tujuannya adalah untuk menjelaskan kepada rakan-rakan Marxisnya bahawa konflik gender adalah konflik yang paling dasar daripada seluruh konflik manusia, termasuk sebab-musabab konflik kelas.

Seterusnya Nancy Chodorow dalam *The Reproducing of Mothering* (1978) menampilkan teori ‘keibuan’ (*mothering*), iaitu tentang wujudnya unsur psikologi dalaman pada diri wanita yang membuat mereka secara sukarela melaksanakan kepercayaan masyarakat tentang peranan wanita dan menerima andaian-andaian tentang kekurangan wanita. Michele Barrett dalam *Women's Oppression Today: Problems in Marxist Feminist Analysis* (1980) pula berpendapat bahawa pengertian patriarki yang digunakan oleh Millett dan Firestone adalah tanpa mengaitkannya dengan asal usul dan variasi sejarah. Menurutnya, dalam hal tersebut beberapa unsur harus dihubungkan, iaitu organisasi rumahtangga yang bersifat ekonomi dan ideologi ‘kekeluargaan’ yang mengiringinya. Keadaan ini menyerlahkan pembahagian kerja

dalam sistem ekonomi, sistem pendidikan negara, proses budaya dengan lelaki dan wanita digambarkan secara terpisah dan ciri pengenalan genus serta hubungan di antara reproduksi seksual dan biologi.

Kemunculan beberapa feminis radikal seperti Mary Ellmann, Mary Daly, dan Kate Millett memberikan idea yang sebaliknya tentang wanita. Mereka memuja ciri-ciri biologi wanita sebagai sumber kelebihan atau kekuatan (*superior*) dan bukanlah sebagai suatu kekurangan atau kelemahan (*inferior*). Ellmann misalnya, menganggap telur wanita sebagai berani, bebas, *individualistic* dan bukannya *apathetic*, manakala benih lelaki sebagai pak turut, penakut dan bukannya *enthusiastic* (Selden, 1993:203-204). Mereka juga menegaskan bahawa wanita mempunyai pengalaman yang khusus sebagai sumber bagi sifat-sifat wanita yang positif dalam kehidupan dan dalam seni. Berdasarkan alasan tersebut, mereka beranggapan hanya wanita yang mempunyai pengalaman khusus sebagai wanita (seperti didatangi haid, mengandung dan bersalin). Oleh itu, hanya wanita yang wajar berbicara tentang dunia kehidupan wanita. Ketidaksamaan pengalaman wanita juga meliputi perbezaan persepsi dan kehidupan emosi. Wanita dikatakan tidak melihat sesuatu perkara dengan cara yang sama dengan lelaki, malah mereka mempunyai fikiran dan perasaan yang berlainan tentang sesuatu yang penting dan sebaliknya (ibid:211). Kajian tentang perbezaan gambaran dalam karya-karya sastera hasil penulisan wanita ini disebut sebagai ginokritik (*gynocritics*). Tulisan awal yang mencerminkan aplikasi teori ginokritik yang berkesan ialah seperti yang dilakukan oleh Mary Ellmann, diikuti oleh Virginia Woolf, dan seterusnya dikembangkan oleh Elaine Showalter sebagai teori dan kaedah bacaan melalui tulisan-tulisannya.

1.1 Pernyataan Masalah Kajian

Kajian ini bertitik tolak daripada hipotesis bahawa karya-karya tulisan pengarang wanita mempunyai kelainan berbanding dengan gaya penulisan pengarang lelaki. Kelainan karya-karya penulisan wanita adalah berhubung rapat dengan pengalaman dan identiti diri wanita itu sendiri, baik yang bersifat biologi, psikologi, budaya, maupun bahasa wanita. Oleh kerana penulisan mereka dikatakan sepenuhnya berpusat kepada wanita (*women centered*), maka wanita mempunyai ruang dan kebebasan untuk melukiskan segala aspek kewanitaan yang berpaksi kepada pengalaman mereka sebagai unsur utama dalam karya.

Pembicaraan tentang wanita sering mendapat perhatian dalam dunia sastera, sama ada wanita dijadikan sebagai bahan penceritaan, sebagai subjek kritikan atau pun wanita sebagai penghasil karya. Virginia Woolf dalam “Woman and Fiction” (1929) telah mengemukakan beberapa persoalan yang bertujuan menggalakkan kaum sejenisnya memikirkan bahawa wanita begitu kerap kali dibicarakan oleh kaum lelaki dalam tulisan mereka. Dengan perkataan lain, wanita telah dijadikan objek dalam perbicaraan lelaki dengan berbagai-bagai cara dan matlamat. Wanita juga telah dijadikan sebagai seribu satu pembayang maksud dalam menyampaikan makna tersurat dan tersirat dalam pemikiran lelaki. Justeru, Luce Irigaray menyatakan rasa tidak puas hati tentang kebisuan wanita yang terpenjara dalam sistem yang didominasi oleh kuasa *phallocentric*.⁷ Keadaan tersebut menerangkan bahawa wanita telah *disubordinate*, dianggap hanya sebagai pelengkap dan sebagai alat untuk projeksi lelaki bagi menyampaikan mesej. Ini bermakna, dalam penulisan mereka pengarang lelaki telah mendominasi keseluruhan watak wanita secara zahir dan batin. Melalui cara tersebut, wanita dikatakan tidak memperolehi sebarang faedah daripadanya kerana pengalaman sebenar wanita tidak diketengahkan. Sebaliknya keadaan ini hanya menunjukkan wanita masih berada dalam

muted group dan sekaligus menyerlahkan *the domination of men, and the subordination of women*. Hakikat ini merupakan satu permasalahan yang perlu dirungkai, iaitu dengan mengalih tumpuan kepada penulisan oleh wanita tentang wanita (*women writing and writing about women*). Kajian perlulah dilakukan terhadap teks-teks yang dihasilkan oleh pengarang wanita, bagi mencari keseimbangan di antara gambaran lelaki dan wanita tentang wanita. Oleh itu, kajian ini dikemukakan sebagai salah satu cara untuk mengatasi permasalahan tersebut, iaitu dengan menumpukan terhadap novel-novel yang dihasilkan oleh pengarang wanita.

Melalui cara ini akan dapat memperlihatkan cara-cara pengarang wanita menulis tentang pengalaman mereka, dengan memanfaatkan gaya penulisan sendiri. Usaha ini diharapkan agar dapat menemui dan memperolehi semula suatu cara penandaan, suatu bahasa yang boleh memberi suara kepada hasrat serta bisikan kalbu wanita. Hal ini selaras dengan pandangan golongan feminis bahawa wanita sepatutnya bertindak untuk menegakkan dan mengekalkan identiti kewanitaan mereka. Untuk tujuan itu, wanita memerlukan mekanisme kritikan yang baru bagi menilai hasil-hasil penulisan tentang mereka dan juga sebagai satu alternatif untuk keluar daripada tradisi sebelumnya. Sebagai jawapannya, kaedah bacaan ginokritik telah dikemukakan oleh Elaine Showalter untuk meneliti teks-teks ciptaan wanita. Ginokritik merupakan satu kaedah yang boleh memerihalkan karya-karya oleh wanita.

Kehadiran pengarang wanita yang semakin memberangsangkan, memberi ruang kepada para pengkaji untuk melihat bagaimana pengarang wanita mengambil dan memainkan peranan untuk tujuan tersebut. Dalam jalur perkembangan kesusastraan di Indonesia dan Malaysia, golongan pengarang wanita turut memberikan sumbangan yang besar kepada khazanah sastera. Mereka menghasilkan karya sebagai suatu

saluran untuk memaparkan pengalaman hidup mereka sebagai wanita. Mereka juga memanfatkan penulisan kreatif bagi tujuan melontar suara yang terpendam dalam diri ketika berdepan dengan tanggapan serta kekangan masyarakat yang masih bertunjangkan pengaruh patriarki. Kehadiran golongan pengarang wanita di persada kesusasteraan adalah untuk melukiskan sendiri citra dalaman dan luaran diri, daripada perspektif mereka sendiri, kerana mereka sudah muak menatapi citra diri mereka yang digambarkan oleh pengarang lelaki⁸ yang berada di bawah pengaruh *androcentrism*.⁹ Untuk tujuan itu, golongan wanita dicabar oleh para feminis, sama ada mereka hanya ingin membaca kisah-kisah hidup mereka di tangan pengarang lelaki atau sedia menerima segala yang digambarkan oleh pengarang lelaki. Demikian juga dengan pengarang wanita, sama ada masih mahu terus dikongkong dengan ciri-ciri androsentrik, atau menjana satu wacana baru dalam penulisan wanita.

Golongan feminis berpendapat, wanita sendiri adalah pihak yang paling wajar dan berwibawa untuk berbicara mengenai untung nasib mereka dan bukannya lelaki. Ekoran daripada perkembangan tersebut, kehadiran pengarang wanita dalam kesusasteraan dilihat sebagai usaha untuk mengubah corak perlukisan wanita yang digarapkan oleh pengarang lelaki. Mereka seolah-olah menyahut seruan untuk berjuang bagi menyedarkan kaum wanita supaya tampil dengan memaparkan sendiri pengalaman hidup mereka untuk dibaca. Malah golongan ini juga tidak ingin lagi melihat diri wanita dilukis dan diwarnakan secara tidak adil oleh pengarang lelaki. Oleh itu, timbul kesedaran di kalangan wanita bahawa mereka harus menampilkan diri, bukan hanya sebagai pembaca malah sebagai pengarang, pengeluar, penghasil dan juga sebagai pengkritik. Masalah inilah yang cuba ditangani oleh kajian ini, iaitu sebagai satu usaha untuk memenuhi keperluan bagi menerokai karya-karya oleh pengarang wanita.

Bahasa yang diungkapkan oleh lelaki adalah sebahagian daripada ciri-ciri *male-centredness*. Wanita juga dilihat bergantung kepada bahasa yang diciptakan oleh lelaki, iaitu dengan bergerak dalam wacana *phallogocentric*. Permasalahannya, bahasa lelaki dicipta berdasarkan tanggapan dan pemikiran lelaki. Bahasa tersebut tidak mewakili atau melambangkan pemahaman dan pemikiran sebenar wanita. Oleh itu, kehadiran golongan pengarang wanita, dilihat cuba untuk mengubah bahasa daripada menjadi penandaan lelaki, kepada bahasa yang terhasil daripada pengalaman dan keperluan diri wanita. Persoalan bahasa wanita selalu dikaitkan dengan proses sosial yang berbeza. Justeru, dikatakan lelaki dan wanita mempunyai perbendaharaan kata yang berbeza serta menggunakan dengan cara dan maksud yang berbeza. Sehubungan dengan tanggapan itu, wanita dikatakan menulis dengan cara dan gaya bahasa yang berbeza berbanding lelaki. Perbezaan tersebut bukan hanya disebabkan oleh perbezaan biologi dan psikologi, malah lebih penting kerana dipengaruhi oleh pengalaman sosiobudaya yang berbeza. Patricia Meyer Spacks dalam *The Female Imagination* (1975) dan Elaine Showalter dalam *A Literature of Their Own* (1977) misalnya, adalah di antara mereka yang telah membuktikan wanita mengarang dengan cara yang berbeza, disebabkan pengalaman mereka yang berbeza dengan lelaki. Perbezaan pengalaman inilah yang kemudian mempengaruhi bahasa yang digunakan oleh pengarang wanita. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut dilakukan terhadap hasil-hasil penulisan pengarang wanita Inggeris. Soal perbezaan penggunaan gaya bahasa dalam penulisan pengarang wanita di Malaysia dan Indonesia belum pernah dikaji. Oleh yang demikian, kajian ini dikemukakan sebagai satu usaha untuk mengatasi permasalahan tersebut.

Pada umumnya, hasil-hasil karya sastera pengarang wanita dikatakan mempunyai sifat-sifat berlainan daripada korpus penulisan pengarang lelaki. Kelainan tersebut bukan sahaja terhasil disebabkan oleh pengalaman wanita yang berbeza daripada

lelaki, sebaliknya juga kerana perbezaan aspek biologi, bahasa, psikologi, dan budaya yang melatari kehidupan mereka. Persoalannya, setakat ini belum ditemui satu percubaan serius untuk mengkaji dan menilai proses penghasilan novel oleh pengarang wanita di Malaysia dan Indonesia. Keadaan ini dilihat sebagai satu permasalahan kajian yang cuba diatasi dengan mengemukakan kajian ini.

1.2 Objektif Kajian

Pada umumnya kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmana karya-karya oleh pengarang wanita dapat menyerlahkan pengalaman diri wanita, suara-suara mereka, dengan cara, gaya dan bahasa mereka yang tersendiri. Penelitian ini akan menunjukkan sama ada pendedahan pengalaman dan lontaran suara wanita berupaya menghapus tanggapan dan pemahaman androsentrik dalam masyarakat Melayu di Malaysia dan Indonesia atau sebaliknya. Di samping itu, penelitian ini juga akan mendedahkan aspek-aspek kelainan dalam penulisan wanita dan sebab-sebabnya, serta bagaimana ianya mempengaruhi pembentukan puitika sastera wanita. Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

1. Menganalisis proses penciptaan sastera di kalangan pengarang wanita dengan menggunakan model-model dalam kaedah bacaan ginokritik. Dengan perkataan lain, kajian ini bertujuan untuk meperlihatkan tahap-tahap pembentukan puitika sastera wanita yang terpancar dalam novel-novel oleh pengarang pilihan.

2. Dengan menggunakan perspektif perbandingan puitika, kajian ini akan menganalisis dan menilai aspek-aspek kesejajaran (persamaan) dan ketidaksejajaran (perbezaan) dalam proses penulisan di antara pengarang-pengarang wanita di Indonesia dan Malaysia.

3. Untuk memperlihatkan tahap-tahap keupayaan pengarang-pengarang wanita di kedua-dua buah negara berkenaan dalam mencetuskan pembaharuan puitika sastera wanita.

1.3 Skop Kajian

Kajian ini akan memberikan tumpuan khusus kepada novel-novel terpilih hasil tulisan pengarang wanita dari dua buah negara yang dibandingkan, iaitu Indonesia dan Malaysia. Walaupun telah banyak kajian perbandingan yang dilakukan oleh pengkaji dengan melibatkan kedua-dua buah negara ini¹⁰, tetapi fokus penelitian ini memperlihatkan satu kelangsungan atau penerusan kajian yang bersifat terperinci bagi melengkapkan kajian-kajian yang telah sedia ada. Pada umumnya skop kajian ini dapat dibahagikan kepada beberapa kategori, iaitu:

1. Pemilihan tajuk novel

Novel-novel yang akan dipilih untuk penelitian ini ialah *Menongkah Lumrah* (1996) oleh Azmah Nordin, *Isteri* (1988) oleh Rosmini Shaari, *Jalur Sinar Di Cela Daun* (1981) oleh Zaharah Nawawi, dan *Salam Maria* (2004) oleh Fatimah Busu yang mewakili novel-novel dari Malaysia. Sementara novel-novel Indonesia yang telah dikenal pasti pula ialah novel *Saman* (2001) oleh Ayu Utami, *Tarian Bumi* (2000) oleh Oka Rosmini, *Calon Arang* (2002) oleh Toeti Heraty dan *Dari Lembah Ke Coolibah* (2002) oleh Titis Basino.

2. Batasan masa kajian

Dari segi period, karya-karya yang dipilih sebagai teks kajian adalah novel-novel yang dihasilkan dalam lingkungan tahun-tahun 1980-an hingga tahun 2004. Pemilihan ini adalah bertujuan untuk melihat perkembangan ciri-ciri puitika dalam penulisan pengarang wanita. Tempoh tersebut juga mempamerkan kesignifikanan penglibatan secara aktif pengarang wanita terpilih di kedua-dua buah negara.

3. Pemilihan genre

Pemilihan teks untuk kajian ini hanya dihadkan kepada karya yang berbentuk novel dan sebuah prosa lirik. Penentuan ini penting kerana ada di antara pengarang wanita pilihan tersebut amat terkenal dengan penghasilan cerpen dan puisi. Di samping itu, genre novel telah dipilih untuk penelitian ini memandangkan ianya dapat memperlihatkan tanggapan dan persoalan yang lebih kompleks, lebih luas cakupan pemikiran dan permasalahannya, serta bersifat lebih menyeluruh berbanding dengan genre-genre lain.

4. Pemilihan pengarang

Para pengarang wanita yang dipilih bagi mewakili negara Malaysia ialah Azmah Nordin, Rosmini Shaari, Fatimah Busu dan Zaharah Nawawi. Sementara Ayu Utami, Oka Rosmini Toeti Heraty, dan Titis Basino pula mewakili pengarang wanita Indonesia. Pemilihan para pengarang ini dibuat berdasarkan sumbangaan bermakna mereka dalam penulisan kreatif di negara masing-masing. Mereka bukan sahaja telah memberikan sumbangaan penting kepada khazanah kesusastraan di kedua-dua negara berkenaan, tetapi yang paling penting ialah karya-karya mereka telah mempamerkan keistimewaan dan kekuatan dari segi isi dan teknik penyampaian. Karya-karya yang dihasilkan oleh para pengarang terpilih ini telah menyerlahkan

sifat-sifat baru dalam pembentukan puitika sastera wanita dalam penulisan novel.

1.4 Kepentingan Kajian

Teori, ideologi dan pemikiran feminism, walaupun secara umumnya sering ditanggapi secara negatif oleh sebahagian masyarakat di alam Melayu, namun ianya tetap mempunyai nilai dan kepentingannya yang tersendiri, khususnya dalam konteks wacana, disiplin dan ilmu kritikan sastera. Gagasannya menyediakan alternatif bagi para pengkaji dan pengkritik, terutama dalam membaca dan menanggapi persoalan citra wanita dalam penulisan kesusasteraan. Kerangka teori feminis, khususnya teori ginokritik yang diketengahkan dalam wacana kritikan sastera dapat digunakan sebagai wahana baru untuk mengkaji karya daripada perspektif wanita dan kajian budaya. Sekaligus dapat mengalihkan tumpuan pengkritik yang selama ini hanya menggunakan teori dan kaedah bersifat androsentrik dalam membincangkan karya sastera, termasuk tentang wanita. Sebaliknya, kehadiran teori dan kerangka pemikiran feminism ini memberikan ruang kepada pengkritik untuk menilai kembali citra wanita dalam kesusasteraan.

Selama ini gambaran tentang wanita dipersembahkan dengan penampilan dan imej stereotaip dan tidak mencerminkan pengalaman sebenar kompleksiti jiwa wanita. Sebaliknya gambaran yang dikemukakan lebih kepada tujuan bagi memenuhi citarasa, harapan dan keperluan bagi kepentingan kaum lelaki. Begitu juga dengan kaedah-kaedah kritikan yang berdasarkan kepada teori kritikan lelaki, hanya menyerlahkan ciri-ciri yang bersifat androsentrik. Oleh yang demikian, kajian yang dikemukakan ini akan mengenengahkan suara, keinginan, harapan, wawasan dan pengalaman sebenar wanita yang selama ini disisihkan daripada penelitian lelaki. Di samping itu, dengan menggunakan model-model dalam kaedah bacaan ginokritik ini boleh mengembangkan

falsafah dan ideologi feminism di alam Melayu. Sekaligus akan membuktikan kepada khalayak sastera bahawa bidang feminism bukanlah sesuatu yang negatif, tetapi mempunyai kepentingannya sendiri.

Kepentingan kajian ini bukan hanya kerana penyediaan kaedah yang lebih sesuai dan lebih tepat dalam wacana wanita, tetapi yang lebih penting ialah keperluan untuk merungkai persoalan tentang 'kelainan' atau 'perbezaan' pada karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang wanita. Persoalan puitika sastera wanita yang selama ini belum mendapat perhatian serius daripada para pengkaji, sedangkan ianya merupakan suatu konsep, prinsip, dan ciri-ciri yang menjadi landasan kepada pemikiran dan penciptaan sastera wanita. Justeru kajian ini dikemukakan sebagai percubaan untuk melihat dan mengaplikasi satu perspektif baru terhadap bentuk penulisan kreatif dan kritikan sastera. Diharapkan percubaan ini boleh memberi suatu sumbangan yang bermakna kepada perkembangan dunia kritikan sastera di Indonesia dan Malaysia.

1.5 Tinjauan Kajian Lepas

Kajian tentang wanita dan sastera menggunakan pendekatan feminis, khususnya kaedah ginokritik masih tidak banyak dilakukan, baik di Malaysia maupun di Indonesia. Walaupun kajian ini merupakan subjek yang menarik minat, tetapi ianya kurang diketengahkan, berbanding kajian yang memfokuskan kepada kritik feminis. Namun begitu, beberapa kajian ilmiah yang telah dilakukan tentang topik ini boleh dijadikan sebagai asas penting dalam penerokaan kajian seterusnya terhadap persoalan wanita dan sastera.

Sebuah kajian di peringkat sarjana berjudul "Citra Wanita Dalam novel Khadijah Hashim dan Marga T: Satu Perbandingan" (1997) telah ditulis oleh Chin Hye Ryun, di

Universiti Malaya. Pengkaji memilih seorang pengarang dari Malaysia dan seorang pengarang mewakili Indonesia untuk tujuan perbandingan. Perbandingan yang dilakukan adalah berdasarkan beberapa buah karya bagi mewakili setiap pengarang. Daripada perbandingan citra wanita tersebut, pengkaji merumuskan bahawa terdapat perbezaan dalam pengungkapan citra wanita di antara kedua pengarang tersebut. Tumpuan kajian ini menjurus kepada aspek citra wanita dalam novel-novel kedua pengarang yang dipilih. Pembicaraan citra wanita tersebut dibahagikan kepada empat aspek, iaitu wanita dan cita-cita, wanita dan rumahtangga, wanita dan hubungannya dengan lelaki serta wanita dan sikap keibuan. Kekurangan atau kelemahan yang paling ketara dalam penelitian ini ialah pengkaji tidak menghubungkan persoalan wanita tersebut dengan sebarang pendekatan atau teori bacaan feminis. Kajian ini hanya mengangkat watak-watak utama dalam karya dan mengaitkannya dengan citra wanita, seterusnya watak-watak tersebut dibincangkan secara perbandingan di antara kedua-dua pengarang wanita terbabit.

Kajian tentang wanita juga dilakukan oleh Rosnah Baharuddin (1995) untuk mendapatkan ijazah kedoktoran di Universiti Malaya. Rosnah melakukan kajian yang berjudul "Wanita Dalam Novel A. Samad Said", dengan memberikan perhatian khusus kepada aspek perubahan kedudukan dan peranan wanita dalam tahap-tahap sebelum perang, semasa perang, selepas perang dan selepas merdeka. Rosnah menggunakan pendekatan feminism dalam konteks budaya dan menghubungkannya dengan perubahan kedudukan wanita dalam masyarakat. Dalam penelitian tersebut, pengkaji menggunakan pendekatan feminism yang dibahaskan oleh Mary Ellmann, Kate Millett, Elaine Showalter dan Virginia Woolf dalam mengkaji watak-watak wanita dalam novel-novel A.Samad Said. Rosnah merumuskan bahawa kedudukan wanita telah mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Hal ini berlaku kerana perubahan peranan

masyarakat, terutama apabila bertambah ramai wanita mendapat pendidikan, seterusnya bekerja di luar rumah. Pengkaji telah menerokai dan mengemukakan sesuatu yang tersurat dan tersirat tentang dunia wanita dalam penulisan novel. Namun begitu, dalam penelitian tersebut pengkaji hanya menumpukan kepada garapan citra wanita oleh pengarang lelaki yang didasarkan kepada kerangka pemikiran teori feminis. Tidak ada sebarang jawapan kepada persoalan untuk melihat perlukisan citra wanita di tangan kaum wanita sendiri atau mengenangkan cara-cara dunia wanita dibentangkan oleh pengarang wanita, seperti yang dirangsangkan dalam kaedah ginokritik. Oleh yang demikian, kajian yang dikerjakan oleh Rosnah Baharuddin tersebut dilihat sebagai meninggalkan ruang kosong yang luas untuk dimasuki dan dikaji dengan menggunakan perspektif ginokritik.

Pada tahun 1994, kajian tentang pengarang wanita telah dilakukan oleh Yulduz Emiloglu berjudul “Suara Batin Wanita: Satu Kajian Perbandingan di Antara Karya Penulis Wanita Melayu Dengan Karya Penulis Wanita Mahua (1957-1982)” di Universiti Malaya. Kajian ini memberikan tumpuan khusus kepada karya-karya berupa cerpen dan novel yang dihasilkan oleh beberapa pengarang wanita Melayu dan Mahua di Malaysia. Pada umumnya, penelitian yang dibahagikan kepada lima bab ini khusus membincangkan aspek tema dan persoalan yang dikemukakan oleh pengarang wanita kedua-dua bangsa. Perbincangan setiap tema dan persoalan dilakukan dengan berlandaskan kepada pandangan-pandangan feminis Barat seperti Simone de Beauvoir, Kate Millett, dan Virginia Woolf. Kajian ini merumuskan bahawa pengarang-pengarang wanita Melayu cenderung mengungkapkan persoalan keagamaan, sosial, politik dan alam emosi yang menyelubungi diri wanita. Sementara pengarang-pengarang wanita Mahua pula tidak cenderung memaparkan persoalan keagamaan, sebaliknya hanya memaparkan persoalan sosial, politik dan alam emosi wanita. Pada keseluruhannya,

kajian ini memberikan maklumat yang berguna tentang pengarang wanita Melayu dan Mahua di Malaysia. Namun begitu, tesis ini tidak mengaplikasi teori yang khusus dan relevan dengan data-data kajiannya. Oleh itu, walaupun kajian yang dilaksanakan oleh Yulduz Emiloglu adalah terhadap karya pengarang wanita dan perbincangannya memfokus kepada dunia wanita, tetapi ianya meninggalkan ruang lompong yang luas untuk dikaji khususnya dengan mengaplikasi teori ginokritik.

Seterusnya, kajian tentang wanita juga telah dilaksanakan oleh Siti Hajar Che Man (1998) berjudul "Feminisme Dalam Kesusteraan Melayu: Analisis Kaedah Bacaan Showalter". Kajian yang dikemukakan ini telah memberi maklumat yang jelas dan terperinci tentang kemunculan teori feminis, kepentingannya dalam dunia kritikan sastera dan aplikasinya ke atas teks-teks tempatan bermula dari zaman tradisional hingga kepada teks-teks moden. Analisis kritis yang dilakukan oleh pengkaji terhadap teks-teks pilihan dengan menggunakan pendekatan kritik feminis dan ginokritik, memperlihatkan ketajaman dan daya pengamat yang tinggi dalam diri pengkaji terhadap isu-isu wanita dalam sastera. Namun, memandangkan cakupan pembicaraannya amat luas pengkaji hanya memperuntukkan satu bab untuk satu kaedah bacaan. Hanya terdapat satu bab (daripada tujuh bab dalam tesis ini) yang khusus membicarakan sudut pandangan wanita dalam novel tempatan, yang dilihat daripada perspektif ginokritik. Novel-novel yang dipilih ialah *Jalur Sinar Di Cela Daun* (Zaharah Nawawi), *Perempuan Di Lereng Bukit* (Siti Hawa Mohd. Hassan) dan novel *Isteri* (Rosmini Shaari). Perbincangan bahagian ini telah memperlihatkan percubaan yang baik untuk penerapan kaedah tersebut. Namun, disebabkan pengkaji memfokus kepada kedua-dua kaedah bacaan saranan Showalter secara serentak, maka perbincangan yang dilakukan agak terbatas dan tidak bersifat menyeluruh. Walau bagaimanapun, apa yang paling penting, kajian yang dikerjakan oleh Siti Hajar Che Man ini merupakan percubaan perintis yang

amat baik dan berkesan ke arah memperkenalkan dan menerapkan teori ginokritik yang masih dianggap baru dalam disiplin ilmu kritikan sastera Melayu.

Seterusnya, Membunga @ Siti Meriam Yaacob (2004) telah menghasilkan kajian peringkat ijazah kedoktoran berjudul “Tanggapan Terhadap Wanita Dalam Karya Hamzah dan Keris Mas”. Kajian ini memfokuskan kepada usaha untuk mendedahkan tanggapan pengarang lelaki terhadap wanita yang dikesan melalui penulisan cerpen-cerpen mereka. Dalam penelitiannya, pengkaji memperlihatkan bahawa karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang lelaki, iaitu Hamzah dan Keris Mas jelas menggambarkan citra wanita dalam kerangka stereotaip, iaitu wanita sebagai objek seks, yang bebas bergaul, yang miskin, yang kesepian jiwanya, dan yang menjadi mangsa eksplorasi. Membunga merumuskan kajiannya dengan menegaskan bahawa walaupun kedua-dua pengarang lelaki yang dikaji menampakkan perbezaan dalam kepengarangan mereka, tetapi mereka mempunyai tahap kecenderungan yang sama, iaitu memaparkan watak wanita yang stereotaip, yang tidak berdaya saing. Sifat-sifat dalam pembinaan jasad dan jiwa wanita yang diserahkan oleh mereka adalah cerminan wanita yang dibina di bawah kekuasaan pengaruh patriarki. Pada keseluruhannya kajian ini memberikan satu sumbangan penting kepada khazanah kritikan sastera, khususnya dalam kajian feminism. Ianya berhasil membuktikan kegagalan pengarang lelaki dalam mengekspresi pengalaman di dalam ‘dunia wanita’. Sebaliknya, hanya menyerlahkan sifat-sifat puitika dalam kepengarangan mereka yang stereotaip dan konvensional. Namun begitu, kajian ini tidak memberikan tumpuan kepada persoalan-persoalan yang berhubung dengan tahap keupayaan dan kreativiti pengarang wanita dalam penulisan kreatif, khususnya tentang puitika wanita. Justeru, penelitian ini juga meninggalkan kekosongan yang luas untuk diterokai oleh kajian-kajian seterusnya, khususnya melalui kaedah bacaan ginokritik.

Seterusnya di Indonesia, terdapat beberapa kajian yang dilakukan bagi melihat persoalan wanita daripada kaedah bacaan feminism. Antaranya ialah tulisan oleh Sri Widati (1995) berjudul “Gynocriticism in Modern Javanese Literature: A Problem for the Pre-Independence Period”. Kajian ini cuba memperkenalkan dan mengaplikasi kaedah bacaan ginokritik terhadap hasil-hasil penulisan pengarang wanita pada era sebelum merdeka dan yang ditulis di dalam bahasa Jawa. Pengkaji memperlihatkan bahawa rata-rata teks oleh pengarang awal menyerahkan imej wanita yang memahami peranan suami, wanita yang sabar, mempercayai dan menghormati suami. Pengkaji juga menunjukkan kewujudan karya-karya yang menyuarakan harapan agar wanita dapat memikul peranan yang pelbagai, bersifat mandiri, serta membantu mencetuskan kesedaran baru di kalangan wanita.

Penemuan pengkaji juga menunjukkan teks-teks wanita pada ketika itu telah menyarankan wanita agar memainkan peranan secara aktif dalam aktiviti umum, serta pada masa yang sama menggalakkan dan membantu suami dalam sebarang masalah. Selain daripada itu, kajian ini memperlihatkan wujudnya perbezaan dalam penulisan wanita ketika menggambarkan tentang wanita dan lelaki dalam soal berpakaian. Pengarang telah memerikan identiti wanita melalui karya dan pengkaji menegaskan bahawa pengarang wanita tidak mungkin menulis sesuatu yang dianggap tabo dalam masyarakat. Pada akhirnya pengkaji merumuskan bahawa pengarang wanita pada zaman sebelum merdeka mengarang dengan ‘dibimbing’ oleh lelaki. Malah karya-karya pengarang wanita pada zaman tersebut memaparkan dua sudut pandangan, iaitu pandangan lelaki dan wanita. Hal ini bermakna, pengarang wanita pada zaman sebelum merdeka, khususnya yang menulis dalam bahasa Jawa, berkarya di bawah pengaruh kekuasaan lelaki. Kajian ini telah memperlihatkan satu percubaan menarik dalam

menggunakan kaedah bacaan ginokritik. Namun memandangkan kajian ini ditulis hanya dalam bentuk sebuah esei, maka perbincangannya amat terhad, malah gagal memperkenalkan model-model ginokritik serta kepentingannya dalam kajian sastera. Oleh itu, perbincangan yang dilakukan oleh Sri Widati tersebut jelas berbeza dengan kajian yang bakal dilakukan ini.

Pada tahun 1991, sebuah tesis sarjana berjudul “Citra Wanita dalam Sajak-sajak Toeti Heraty: Analisis Semiotik” telah dilaksanakan oleh Sugihastuti di Universiti Gajah Mada. Tesis ini kemudian dibukukan dengan judul *Wanita Di Mata Wanita* (2000). Sesuai dengan judulnya, maka bab ketiga daripada buku yang terdiri daripada lima bab ini telah menyentuh tentang teori ginokritik. Walau bagaimanapun, perbincangan tentang ginokritik hanyalah terhad dan tidak bersifat terperinci. Kajian ini hanya menumpukan perbincangan terhadap sebahagian daripada gagasan model biologi dan model psikologi. Sebahagian daripada gagasan model-model tersebut diterapkan dalam perbincangan terhadap puisi-puisi pilihan ciptaan penyair Toeti Heraty. Kajian ini telah turut memberikan sumbangan terhadap perkembangan kritikan sastera di Indonesia, khususnya memberi pengenalan terhadap teori ginokritik dan aplikasinya. Kajian ini memaparkan perlukisan citra wanita di tangan kaum wanita sendiri dan mendedahkan cara-cara dunia wanita dibentangkan oleh wanita daripada perspektif wanita sendiri. Walau bagaimanapun, perbincangan yang dilakukan oleh Sugihastuti mempunyai kekurangannya seperti tidak memanfaatkan sepenuhnya gagasan dalam model ginokritik, dan aplikasi yang dikerjakan oleh pengkaji adalah terhadap genre puisi yang menyebabkan skop perbincangannya terbatas. Walaupun kajian ini cuba memperkenalkan kaedah ginokritik dalam membicarakan karya wanita, tetapi ianya masih bersifat longgar dan kurang kejap dalam aplikasi teori ginokritik.

Kajian Tinke Hellwig berjudul “In The Shadow of Change: Images Of Women In Indonesian Literature” (1994) telah memilih sejumlah 28 buah novel yang dihasilkan selama 50 tahun bermula dari tahun 1937-1986, bertujuan untuk melihat pemaparan wanita oleh pengarang lelaki dan wanita. Dengan menggunakan teori kritik feminis, pengkaji bermatlamat untuk memastikan sama ada gambaran wanita dalam sastera Indonesia mencabar atau sebaliknya memperkuuhkan ideologi patriarki dan nilai-nilai yang sedia ada, khususnya yang berkait dengan hubungan gender. Dalam perbincangannya, pengkaji turut merujuk pada konsep-konsep dalam Islam, Kristian dan Hindu-Jawa di samping ideologi negara yang dicerminkan melalui Panca Sila (Panca Darma Wanita) dan Peraturan Pemerintah No. 10 (PP10) yang menggariskan peraturan keluarga bagi kakitangan kerajaan. Tinke Hellwig merumuskan, rata-rata gambaran wanita dalam teks-teks wanita dalam tempoh tersebut membuktikan kekuatan pengaruh daripada ideologi patriarki. Aspek seksualiti dan identiti wanita dibentuk berdasarkan pola-pola berorientasikan lelaki dan watak wanita yang keluar daripada pola tersebut digambarkan berakhir dengan penderitaan. Pengkaji juga menyimpulkan bahawa karya-karya yang terhasil selama setengah abad itu tidak menampakkan perubahan ketara dalam soal meletakkan wanita sebagai warga kelas kedua. Walaupun ditemui beberapa pembaharuan dari sudut tema, selaras dengan perkembangan zaman, tetapi semuanya ditata dalam pengaruh patriarki. Oleh itu, pengkaji merumuskan bahawa penulisan novel dalam tempoh tersebut didapati tidak mencabar ideologi patriarki, sebaliknya memperkuuhkannya. Namun, pengkaji tidak memberikan fokus yang sewajarnya kepada novel-novel oleh pengarang wanita, disebabkan penelitiannya menggunakan kaedah kritik feminis. Walaupun novel-novel oleh Hamidah, Rukiah S, Selasih, Marga T, Marianne Katoppo, N.H.Dini, dan Titis Basino diberikan sorotan istimewa, tetapi lebih bersandarkan kepada pendekatan kritik feminis. Justeru, kajian ini masih meninggalkan ruang yang luas untuk dimasuki dan diterokai, khususnya daripada perspektif ginokritik.

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang dilakukan di peringkat artikel, buku, ijazah sarjana muda, sarjana, dan doktor falsafah sebelum ini didapati lebih menjurus kepada tema dan persoalan, dan kajian tentang citra wanita dalam sastera. Perbincangan itu pula, walaupun ada yang menumpukan kepada karya pengarang wanita, tetapi kebanyakannya tidak mengaplikasi kaedah bacaan ginokritik secara khusus. Walaupun terdapat juga beberapa kajian terhadap dunia wanita oleh pengarang wanita menggunakan gagasan ginokritik, tetapi penerapan yang dilakukan tidak bersifat terperinci dan menyeluruh. Keadaan ini mewujudkan lompong yang luas dalam aspek sastera dan wanita baik di Indonesia maupun di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian yang dikemukakan ini akan memberikan perhatian khusus kepada persoalan puitika sastera wanita yang dilihat secara perbandingan dalam proses penciptaan novel di kalangan pengarang wanita di Indonesia dan Malaysia. Penelitian ini jelas berbeza sama sekali dengan kajian-kajian yang telah dilakukan sebelumnya.

1.6 Metodologi Kajian

Pada umumnya kajian ini akan dilakukan dengan menggunakan beberapa kaedah utama seperti berikut:

i. Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan (*library research*) digunakan dalam penelitian ini bagi mendapatkan data-data kajian dan rujukan, khususnya yang berhubung dengan teori, karya dan pengarang yang dikaji. Kajian kepustakaan dilakukan di beberapa buah perpustakaan dan pusat-pusat dokumentasi utama di Indonesia dan Malaysia. Antaranya ialah Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia (USM), Perpustakaan Utama Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Akademi

Pengajian Melayu (UM), Pusat Sumber, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (USM), Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur dan Cawangan Sabah, Perpustakaan Fakultas Sastera dan Budaya, Universitas Indonesia (UI), dan Perpustakaan H.B.Yassin, Taman Ismail Marzuki, Jakarta.

ii. Kaedah Temubual

Untuk melengkapkan maklumat-maklumat yang diperlukan dalam kajian ini, kaedah temubual (*interview*) turut dilaksanakan. Beberapa sesi temubual yang membabitkan para pengarang wanita di Indonesia dan Malaysia telah dilakukan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan lebih tepat mengenai latar belakang, pengalaman, gagasan, kencenderungan dan wawasan pengarang itu sendiri. Para pengarang yang terbabit dalam sesi temubual termasuklah Ayu Utami, Oka Rusmini, Toeti Heraty, Titis Basino, Azmah Nordin, Fatimah Busu, Rosmini Shaari dan Zaharah Nawawi.

iii. Penerapan Teori Ginokritik

Kajian ini akan menerapkan kaedah bacaan ginokritik. *Gynocriticism* telah digagaskan oleh Elaine Showalter sebagai satu kaedah khusus yang digunakan untuk membincangkan karya-karya tentang wanita yang dihasilkan oleh wanita. Menurut Showalter, *gynocritics is more self-contained and experimental, with connections to other modes of new feminist research* (1987:237). Selain itu, ditegaskan juga bahawa *gynocritics is related to feminist reasearch in history, anthropology, psychology and sociology, all of which have developed hypotheses of a female subculture* (ibid:238). Menurut pendapat Showalter, kehadiran feminism dalam sastera tidak memadai dengan hanya memasukkan karya-karya wanita ke dalam sukatan pengajaran. Sebaliknya yang

lebih penting dan perlu ditekankan ialah *defamiliarization of masculinity*, iaitu dengan menumpukan kepada suatu kaedah kritis yang melihat perbezaan seks dan jantina. Dalam hal ini, penekanan diberikan terhadap kaedah dan tradisi pembacaan. Daripada konsep yang melihat perbezaan seks dan jantina ini, lahirlah dua kaedah kritikan yang disebut sebagai kritik feminis (*feminist critique*) dan ginokritik (*gynocriticism*). Kritik feminis menumpukan perhatian kepada wanita sebagai pembaca karya-karya yang dihasilkan oleh lelaki, atau karya yang dihasilkan oleh wanita tetapi dalam sistem penandaan lelaki. Sementara ginokritik pula menumpukan perhatian kepada wanita sebagai pengarang, iaitu wanita sebagai penghasil maksud tekstual.

Pendekatan ginokritik ini menarik perhatian pengkritik kepada persoalan sejarah, genre, tema dan struktur yang terhasil dalam karya-karya yang ditulis oleh wanita, berdasarkan kreativiti dan pengalaman wanita. Pembicaraan ini juga merangkumi persoalan linguistik dan usaha-usaha membina ‘bahasa wanita’, di samping melihat kepada perhubungan di antara kerjaya seseorang pengarang wanita dengan aspirasi wanita secara kolektif. Bagi Showalter, selama ini para pengkritik hanya bergantung kepada model androsentrik yang disebutnya sebagai teori kritikan lelaki (*male critical theory*). Dalam teori tersebut, konsep kreativiti, sejarah sastera, interpretasi kesusasteraan hanya didasarkan kepada pengalaman lelaki dan menjadikannya sebagai isu sejagat (1982:13). Showalter berpendapat bahawa model androsentrik (*androcentric models*) dalam proses kreativiti telah memberi kesan yang tidak seimbang kepada wanita dan menegaskan bahawa wanita tidak mempelajari sesuatu yang baru darinya. Bertitik tolak daripada rasa tidak puas hati tersebut, beliau bangkit untuk membetulkan sikap dan tanggapan masyarakat terhadap watak-watak wanita